

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 13 HINGGA NO. 51)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang telah berusia 52 tahun itu untuk digantikan dengan akta yang baru sesuai dengan perkembangan zaman sekarang.

JAWAPAN

Datuk Yang di-Pertua,

1. Pewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 (AUKU) bertujuan untuk menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti dan bagi perkara yang berkenaan dengannya. Selain daripada perkara berkaitan tadbir urus universiti, AUKU turut merangkumi hal berkaitan aktiviti pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar. Secara amnya AUKU mempunyai 44 seksyen di mana 32 seksyen adalah berkaitan tadbir urus universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi, 7 seksyen berkaitan pelajar dan 1 seksyen sahaja yang berkaitan dengan staf.
2. Kementerian berpandangan Akta sedia ada masih lagi relevan dalam menguatkuasakan fungsinya terutamanya bagi hal yang berkaitan dengan tadbir urus universiti. Pemansuhan AUKU akan menjejaskan tadbir urus universiti awam terutamanya sewaktu peralihan akta. Malah

SOALAN NO : 9

proses pemansuhan ini memerlukan penelitian yang lebih lanjut memandangkan ia melibatkan beberapa akta lain yang turut berkuat kuasa contohnya seperti Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan beberapa akta lain yang diselia di bawah Kementerian/agensi lain. Namun begitu, Kementerian sentiasa terbuka terhadap sebarang cadangan dan pandangan untuk menambah baik akta sedia ada. Atas dasar inilah, AUKU telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hinggalah pindaan terakhir pada tahun 2019.

3. Usaha berterusan masih dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi menambah baik AUKU mengikut keperluan semasa. Proses libat urus dengan pihak berkepentingan seperti pelajar, kakitangan akademik dan pengurusan universiti terus dilaksanakan bagi mendapat input terkini agar penambahbaikan AUKU dapat memenuhi kehendak pemegang taruh mengikut peredaran zaman.

4. Dalam hubungan ini, antara agenda utama Kementerian pada tahun 2023 adalah untuk memperkasa pelajar dengan memberi lebih autonomi dalam kegiatan berpersatuan. Kebebasan yang diberikan bukanlah kebebasan mutlak. Pelajar universiti masih lagi mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pembelajaran di universiti tidak terabai. Pada masa yang sama, universiti turut dipertanggungjawabkan untuk memastikan keharmonian di dalam universiti terpelihara.

5. Pihak Kementerian dan universiti awam kini sedang dalam fasa akhir pemurnian beberapa garis panduan bersesuaian untuk memberi lebih kebebasan kepada pelajar dalam menguruskan aktiviti pelajar dan dalam menyertai kegiatan politik di dalam dan luar kampus.

6. Sehingga kini, KPT masih mengadakan sesi libat urus dgn Penasihat Undang-Undang (PUU) universiti awam untuk melihat kebolehlaksanaan di universiti awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memastikan *connectivity* internet berada pada tahap memuaskan di setiap pelusuk Sabah khususnya di daerah Tuaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kesalinghubungan internet di Sabah dan Parlimen Tuaran termasuklah kawasan pedalaman dan luar bandar, Kerajaan telah dan sedang mempercepatkan pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025). Setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 88.06% berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Manakala, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Tuaran telah meningkat kepada 92.55% berbanding 82.52% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Melalui inisiatif JENDELA Fasa 1 di Sabah, sebanyak 171,554 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki sebanyak 79,431 dalam peringkat pelaksanaan daripada 251,165 yang dirancang. Sebanyak 4,096 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 27 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada sejumlah 4,123 yang dirancang. Kerajaan juga telah menyiapkan 159 menara baharu setakat suku keempat 2022 dan dalam proses menyiapkan baki 455 menara daripada 614 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 138 lokasi di kawasan pedalaman di Sabah termasuklah 12 lokasi telah siap dipasang dengan jalur lebar satelit di Parlimen Tuaran, yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di dalam JENDELA Fasa 2 yang berjaya disiapkan sepenuhnya di dalam JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi melalui pelaksanaan projek Pelan JENDELA dan satelit, pihak Kerajaan turut

SOALAN NO: 13

melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP). Kaedah ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PoP di Sabah adalah sebanyak 695 kawasan berhampiran sekolah luar bandar dan daripada jumlah tersebut 59 kawasan terlibat dalam pelaksanaan PoP Fasa 1 manakala bagi Fasa 2 pula sebanyak 636. Sehingga 10 Februari 2023, pelaksanaan PoP Fasa 1 di Sabah telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak 6,914 yang mana dari jumlah tersebut 2,411 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya. Di Tuaran sahaja secara keseluruhannya sebanyak 9 buah kawasan sekolah telah berjaya disiapkan manakala baki 36 buah kawasan sekolah di Tuaran akan dilaksanakan di dalam PoP Fasa 2.

Selain itu di Tuaran juga setakat suku keempat tahun 2022, sebanyak 14,379 premis telah siap dengan ketersediaan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, melebihi daripada jumlah 7,594 yang dirancang. Sebanyak 169 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf sepenuhnya kepada teknologi 4G. KKD juga telah menyiapkan 4 menara baharu dan dalam proses menyiapkan baki 28 menara daripada sejumlah 32 menara yang dirancang di Parlimen Tuaran. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021-2025 yang dilancarkan oleh Kementerian ini pada 16 Oktober 2021 dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus yang melibatkan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal universiti, kementerian dan jabatan lain, agensi, badan berkanun serta industri yang berkaitan.

2. PSKG merupakan satu dokumen strategik yang menjadi rujukan dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menjayakan matlamat kebolehpasaran graduan dalam tempoh 2021 hingga 2025. Tiga objektif strategi PSKG adalah:

- Melahirkan graduan IPT yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi;
- Menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi; dan
- Membangunkan bakat graduan bagi peningkatan sosioekonomi negara yang seimbang dan mampan.

3. Pelan ini menggariskan empat (4) strategi utama iaitu:

- Pengukuhan Kecemerlangan Bakat;
- Peluasan Kerjaya Pelajar;
- Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran; dan
- serta Pemerkasaan Hubungan Industri.

4. Keberhasilan empat strategi ini diukur melalui inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

5. Antaranya adalah melalui pencapaian kadar kebolehpasaran graduan yang dilaporkan pada setiap tahun. Pada tahun 2021, kadar kebolehpasaran graduan ialah 85.5 peratus, iaitu meningkat sebanyak

NO. SOALAN : 14

1.1 peratus berbanding pencapaian tahun sebelumnya. Kadar ini juga melebihi 0.4 peratus berbanding dengan sasaran 85.1 peratus yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

6. Selain itu, peratusan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian pada tahun 2021 mencatatkan 9.7 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak 6.0 peratus seperti di dalam pelan strategik ini.

7. Penglibatan industri dalam membantu membangunkan bakat mahir yang memenuhi keperluan industri (*industry-ready*) dan graduan kalis masa hadapan (*future-proof graduates*) juga telah direalisasi melalui program rintis *Degree Apprenticeship* di bawah kelolaan Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan McDonald's Malaysia pada Oktober 2022. Program berbentuk sebegini akan diperluaskan pada masa hadapan dengan penglibatan lebih banyak industri berkepentingan.

8. Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus komited untuk memastikan bahawa Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 ini dilaksanakan seperti yang telah dirancang serta sasaran yang ditetapkan dapat dicapai melalui mekanisme pemantauan yang berterusan dan sistematik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi dan formula kerajaan untuk mengawal harga barang yang kian meningkat dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu ekonomi Negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi isu kenaikan harga barangan yang tidak menentu, beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-

- i) mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi menetapkan harga maksimum untuk barangan tertentu pada tempoh tertentu;
- ii) melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua item penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini; dan
- iii) khusus bagi memantau dan menangani isu harga makanan bermasak, bermula 23 Januari 2023, Kementerian telah melaksanakan Ops Menu 3.0 yang bertujuan memastikan peniaga restoran dan kedai makan menggunakan penandaan harga yang jelas dan tidak mengelirukan pengguna di premis-premis yang terlibat.

Kementerian boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 sekiranya ada pihak yang mengambil kesempatan untuk mengambil untung berlebihan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini siswazah yang sedang menganggur di negara ini dan menyatakan langkah-langkah segera untuk menangani isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), statistik terkini siswazah yang sedang menganggur di negara ini adalah seramai 41,467.
2. Jumlah ini hanya 14.5 peratus daripada 286,299 graduan warganegara yang menamatkan pengajian serta menjawab kajian pada tahun 2021.
3. Bagi menangani isu pengangguran dalam kalangan siswazah, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi*

talents and skills) dapat diberikan kepada mereka. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. **Pelaksanaan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala** dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan pelajar yang mengambil bidang berkenaan mempunyai daya saing serta kebolehpasaran yang tinggi sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.
- ii. **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerksaan Hubungan Industri.
- iii. **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** dalam memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Portal MYFutureJobs atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO.
- iv. **Pengukuhan agenda keusahawanan atau *Job Creator* di IPT** menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025; dan
- v. **Pelaksanaan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran** seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai polisi atau dasar spesifik bagi pelaksanaan skim pembangunan semula kawasan kediaman flat kos rendah di Kuala Lumpur yang telah berusia lebih 40 tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai dasar-dasar spesifik bagi pelaksanaan pembangunan semula kawasan-kawasan lama termasuk kediaman flat kos rendah di Kuala Lumpur yang telah berusia lebih 40 tahun.
2. Antara dasar tersebut ialah Panduan Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur yang diterbitkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan yang bermula sejak tahun 2021, dan kini diteruskan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan.
3. Di bawah Panduan ini, pembangunan semula yang melibatkan hartanah milik individu perlu dilaksanakan secara usahasama di antara pemaju dan pemilik, manakala pembangunan semula yang melibatkan hartanah milik awam (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dilaksanakan melalui kaedah *Request for Proposal*.
4. Bagi memastikan segala kepentingan pemilik hartanah yang terlibat akan dilindungi dan dipelihara, Panduan Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur menetapkan proses pertimbangan, kelulusan dan pemantauan yang ketat berasaskan kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang jelas sebelum projek pembangunan semula dipersetujui dan dilaksanakan.
5. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur, Jabatan Wilayah Persekutuan terus memantau dan mengambil tindakan untuk memelihara dan melindungi kepentingan pemilik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah meneliti kesesuaian isi kandungan dan impak hasil pelaksanaan penukaran subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan subjek Hubungan Etnik kepada subjek Falsafah dan Isu Semasa dan subjek Penghayatan Etika dan Peradaban di IPT pada tahun 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perubahan terhadap pelaksanaan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.14/2019 pada 12 Jun 2019 yang memutuskan supaya Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dijadikan mata pelajaran wajib menggantikan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik. Penawarannya diwajibkan dan diperluaskan ke semua IPT di bawah KPT termasuk Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dilihat lebih relevan dalam usaha melahirkan mahasiswa yang berupaya berfikir kritikal dan bersikap saling hormat-menghormati dalam masyarakat majmuk Malaysia.
3. Silibus kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara. Penekanan menjadikan falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya turut diberikan kepada pelajar.
4. Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban pula bertujuan untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal pelajar dalam konteks masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Ia memberikan fokus ke arah pemantapan kesepaduan nasional.
5. Kementerian telah melaksanakan satu Kajian Impak MPU pada tahun 2022. Kajian ini telah mengkaji impak pelaksanaan MPU dari segi kandungan, kaedah penyampaian dan pentaksiran. Kajian ini telah dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dan melibatkan seramai 12,937 responden daripada UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

NO. SOALAN : 18

6. Kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar yang tinggi iaitu 3.94 dengan topik dan tugas MPU berkesan dalam meningkatkan pengetahuan tentang budaya dan masyarakat serta kepentingan kehidupan bermasyarakat.

7. Kesan setelah mempelajari MPU adalah tinggi (3.82) dimana pelajar berpandangan bahawa mereka lebih menghayati kepentingan dan praktis agama dalam kehidupan seharian setelah mempelajari subjek ini.

8. Manakala bagi impak keseluruhan pelajar berpandangan bahawa kursus MPU memberi kesan dan impak yang tinggi ke atas tahap kesedaran sebagai rakyat Malaysia (3.99).

9. Ini jelas menunjukkan bahawa subjek ini dapat membantu pelajar IPT dalam menambah ilmu pengetahuan dan meningkat kemahiran berfikir serta kesedaran sebagai rakyat Malaysia ataupun warga global (*global citizen*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL
RASHID [BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan pindaan perlembagaan 2001 kepada perkara 8(2) FC - yang secara jelas melarang sebarang diskriminasi jantina.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan berhubung “kesamarataan” telah dipinda pada tahun 2001 dengan memasukkan unsur gender dalam peruntukan tersebut dengan penambahan perkataan “jantina” dalam Fasal 2 Perkara 8.

2. Menerusi pindaan ini, keluasan tafsiran ke atas Perlembagaan Persekutuan tidak terhad hanya mengikat pihak berkuasa awam bahkan juga akan mengikat setiap pihak di dalam negara untuk melindungi setiap rakyat Malaysia daripada eksploitasi dan diskriminasi terhadap jantina agama, ras, keturunan dan tempat lahir.

SOALAN NO : 19

3. Pada 17 Februari 2023, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahagian I seksyen 1(1)(d) dan Seksyen 1(1) (e) dan Bahagian II, Seksyen 1 (b) dan Seksyen 1(c) Jadual Kedua. Pindaan tersebut adalah mustahak bagi memberikan kewarganegaraan kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang. Hal ini bertujuan untuk merealisasikan komitmen Kerajaan terhadap kesaksamaan jantina dan memenuhi hak terhadap kanak-kanak.

4. Kerajaan menerusi Akta Antigangguan Seksual 2022 juga menubuhkan suatu tribunal sebagai usaha untuk menghapuskan diskriminasi dan keganasan berasaskan gender. Pemakaian Akta ini adalah meluas, tanpa mengira sama ada ia berlaku di tempat kerja atau dalam mana-mana sektor.

5. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender terutamanya terhadap wanita seiring dengan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan bagi merapatkan jurang gender di antara lelaki dan wanita. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melakar strategi untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan proses membuat keputusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN MUHAMMAD FAWWAZ MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : **23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kaedah bagi mengelakkan kenaikan kos terhadap industri pembuatan akibat daripada kenaikan tarif elektrik dalam sektor perindustrian yang akan memberi kesan langsung terhadap pengguna akhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar tarif asas elektrik di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan mekanisme *Incentive Based Regulation (IBR)* yang dilaksanakan berikutan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 November 2013 sebagai salah satu langkah mengukuhkan tadbir urus industri pembekalan elektrik dalam negara. Seterusnya Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 November 2013 telah bersetuju dengan mekanisme semakan semula tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dilaksanakan seperti berikut:

- a. pelaksanaan penetapan tarif berdasarkan mekanisme IBR; dan
- b. pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* setiap 6 bulan dengan mengambil kira kos bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang. Dalam hal ini, kos ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2022 adalah sebanyak RM16.16 bilion bersamaan kadar

SOALAN NO : 20

surcaj 27 sen/kWj yang sepatutnya dilepaskan kepada semua pengguna bagi tempoh Januari hingga Jun 2023.

Sehingga kini, RM15.10 bilion rebat telah diberikan kepada pengguna elektrik dan RM6.20 bilion surcaj telah dilepaskan kepada pengguna elektrik di Semenanjung melalui semakan ICPT sejak tahun 2014 hingga 2022. Kos pemberian rebat tersebut ditampung daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) dan Kementerian Kewangan.

Pada 16 Disember 2022, Kerajaan telah memutuskan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung melalui mekanisme ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 kepada pengguna bukan domestik voltan sederhana (MV) dan tinggi (HV) daripada kalangan industri termasuk perbadanan multinasional (MNC) akan dikenakan surcaj pada kadar 20 sen/kWj. Ini bermakna Kerajaan perlu menampung subsidi sebanyak RM1.93 bilion agar peningkatan surcaj ini tidak dilepaskan keseluruhannya secara mendadak.

Melalui mekanisme ICPT ini, tarif elektrik kepada pengguna domestik iaitu yang bukan dalam kalangan pengguna komersial dan industri berikutan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung dikekalkan. Dalam masa yang sama, pengguna-pengguna bukan domestik dalam kategori tarif voltan rendah (LV) yang terdiri daripada Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk restoran, kedai runcit, bakeri, bengkel-bengkel kecil dan lain-lain seumpamanya juga tidak akan mengalami sebarang kenaikan tarif elektrik. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM8.74 bilion subsidi kepada kategori pengguna ini.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (*Federation of Malaysian Manufacturers - FMM*), kos elektrik bagi pelbagai industri di Malaysia adalah di antara 0.5% hingga 25% daripada keseluruhan kos pembuatan. Oleh itu, Kementerian menjangkakan peningkatan kadar surcaj ICPT kepada 20 sen/kWj bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 akan menyebabkan sedikit peningkatan terhadap harga barangan di pasaran, namun ia masih terkawal.

Pelepasan surcaj ICPT ini tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan mendadak kos bahan api dalam pasaran global. Sepanjang bulan Julai hingga Disember 2022, harga arang batu telah meningkat sebanyak 151% bersamaan RM8.6 bilion, manakala harga gas asli juga telah meningkat sebanyak 105% atau bersamaan dengan RM3.3 bilion

SOALAN NO : 20

berbanding unjuran yang ditetapkan dalam tempoh kawal selia ketiga atau *Regulatory Period* (RP) 3.

Bagi mengurangkan peningkatan kos tenaga, syarikat-syarikat dalam sektor perindustrian (pengguna bukan domestik) yang melabur dalam peralatan atau teknologi cekap tenaga atau peralatan penjimatan tenaga boleh dipertimbangkan galakan berikut:

- a. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% di bawah *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) bagi pembelian aset teknologi hijau yang disenaraikan dalam Direktori MyHijau (www.greendirectory.my); atau
- b. Elaun Cukai Pelaburan bagi Teknologi Hijau sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak untuk projek teknologi hijau bagi tempoh tiga (3) tahun. Permohonan hendaklah diterima oleh MIDA selewat-lewatnya 31 Disember 2023.

Bagi memastikan harga barangan keperluan asas seperti makanan dan produk pertanian tidak mengalami sebarang kenaikan, pengguna seperti petani, penternak dan pekebun kecil yang termasuk dalam kategori pertanian spesifik (tarif H) turut tidak akan mengalami kenaikan tarif elektrik. Kerajaan memperuntukkan tambahan RM90 juta subsidi kepada kategori ini.

Secara keseluruhannya, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM10.76 bilion subsidi bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan. Kos subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk mengekalkan tarif elektrik sedia ada adalah sebanyak RM14.91 bilion. Dengan pelaksanaan subsidi secara bersasar ini, peruntukan tambahan berjumlah RM4.16 bilion yang sepatutnya dikeluarkan oleh Kerajaan untuk menampung subsidi elektrik ini dapat dibelanjakan untuk tujuan bantuan kepada rakyat dalam bentuk yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini jawatankuasa bagi memperinci dan menggabungkan kesemua manifesto parti-parti politik di bawah Kerajaan Perpaduan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada asasnya, kerangka Malaysia Madani dibina berdasarkan kepada analisis tematik manifesto setiap parti gabungan Kerajaan Perpaduan sewaktu program pemukiman anggota Jemaah Menteri yang berlangsung pada 15 Januari 2023. Matlamat Malaysia Madani adalah menjadi sebuah negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip kelestarian, ihsan, hormat menghormati, berinovasi, kesejahteraan dan kepercayaan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

2. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Agenda Kerajaan dan Politik untuk menyelaraskan dan menilai pencapaian dalam aspek pelaksanaan intipati manifesto parti-parti gabungan oleh Kerajaan bagi manfaat rakyat terutamanya yang berhubung dengan kesejahteraan hidup, bebanan kos sara hidup rakyat, pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Jawatankuasa ini juga berperanan menyediakan kertas-kertas perancangan strategik mengenai hala tuju kerjasama dan masa hadapan hubungan setiap parti-parti gabungan dalam Kerajaan Perpaduan Malaysia. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dan ketua-ketua parti sebagai timbalan pengerusi.

3. Manakala terma bagi jawatankuasa adalah memastikan setiap dasar-dasar disepakati bersama dalam Sekretariat Kerajaan Perpaduan Malaysia selain diputuskan dalam mesyuarat jemaah menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (2020 - 2030) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri ke-7 Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 5 Oktober 2019 semasa memimpin Kerajaan Pakatan Harapan Pasca PRU14. Dasar ini telah diteruskan oleh Perdana Menteri ke-8 dan ke-9, bagaimana pula dengan Perdana Menteri ke-10.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. WKB 2030 merupakan rujukan dan panduan utama sebelum ini kepada kementerian dan agensi kerajaan dalam menentukan hala tuju strategik masing-masing selain menjadi dasar utama yang digunakan dalam menentukan program dan projek RMKe-12 melalui penjajaran inisiatif-inisiatif RMKe-12 kepada WKB 2030.

2. Pengenalan Malaysia Madani sebagai langkah mengangkat semula martabat negara dan dihormati semula sebagai negara makmur akan menggantikan WKB 2030 memandangkan Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia MADANI bertunjangan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban.

3. Pada asasnya, kerangka Malaysia Madani dibina berdasarkan kepada analisis tematik manifesto setiap parti gabungan Kerajaan Perpaduan sewaktu program pemukiman anggota Jemaah Menteri yang berlangsung pada 15 Januari 2023. Matlamat Malaysia Madani adalah menjadi sebuah negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip kelestarian, ihsan, hormat menghormati, berinovasi, kesejahteraan dan kepercayaan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

4. Empat (4) teras strategik Malaysia Madani adalah Reformasi Ekonomi dan Infrastruktur Rakyat, Reformasi Sosial dan Keselamatan, Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan dan Reformasi Perkhidmatan Awam. Kerangka Malaysia Madani dijangka akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sedikit masa lagi.

5. Perancangan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan selanjutnya adalah berdasarkan kepada kerangka Malaysia Madani yang akan dimulakan dengan bajet tahun 2023 dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN
BIN ALIAS [JELEBU]**
TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)SOALAN

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah komitmen Kerajaan untuk menurunkan harga barangan dan adakah terdapat sebarang kemungkinan harga siling petrol dan diesel Ketika ini akan diturunkan ke satu kadar yang lebih rendah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup. Umumnya, faktor-faktor ini kebanyakannya di luar kawalan Kerajaan seperti peperangan Russia – Ukraine, pertumbuhan ekonomi global yang agak perlahan pasca pandemik COVID-19 serta kenaikan harga komoditi utama dunia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan cakna akan kesan kenaikan kos sara hidup kepada rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Ini dapat dilihat melalui komitmen Kerajaan meneruskan pemberian subsidi kepada barangan keperluan yang mana dasar ini telah mengekalkan kadar inflasi negara pada paras yang munasabah dan terkawal.

Berhubung dengan kemungkinan harga siling petrol dan diesel diturunkan pada kadar yang lebih rendah, keputusan mengenai perkara ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian memandangkan sebarang perubahan harga siling ini melibatkan implikasi kewangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian sedar akan perlu subsidi bahan bakar ini dinikmati oleh golongan yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian telah dilakukan untuk menghapuskan kartel dan memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi menangani kos sara hidup rakyat yang meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPDM melalui agensinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MyCC telah dan sedang aktif menyiasat kartel-kartel sejak penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) pada 1 Januari 2012. Hasil dari penyiasatan yang telah selesai, MyCC, sebagai badan separa kehakiman, telah mengeluarkan keputusan-keputusan pelanggaran dan seterusnya mengenakan hukuman penalti kewangan ke atas hampir 100 syarikat yang berjumlah sekitar RM156 juta.

Pada bulan Ogos 2022, MyCC telah berjaya menyelesaikan penyiasatan terbesar mereka dan mengeluarkan keputusan cadangan terhadap 5 syarikat pengeluar makanan ayam kerana didapati melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian antipersaingan atau kartel dalam pasaran makanan ayam. Mereka adalah-

- (a) Dinding Poultry Development Centre Sdn Bhd;
- (b) FFM Berhad;
- (c) Gold Coin Feedmill (Malaysia) Sdn Bhd;
- (d) Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd; dan
- (e) PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

MyCC telah memulakan penyiasatan setelah menerima maklumat bahawa ada di kalangan pemain-pemain industri ternakan ayam terlibat dalam satu kartel. Kesemua syarikat di atas, seperti yang dikehendaki oleh Akta 712, telah mengemukakan representasi bertulis mereka pada 31 Januari 2023 dan MyCC telah menjadualkan sesi pendengaran representasi mereka dalam bulan Mac 2023. Selepas itu, MyCC dijangka mengeluarkan keputusan akhir dalam suku ketiga tahun ini.

MyCC juga telah menjadikan penyiasatan kartel tipuan bida yang melibatkan perolehan kerajaan sebagai keutamaan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaannya. Setakat ini, MyCC sedang aktif menyiasat lebih dari 500 syarikat atas dakwaan terlibat dalam kartel tipuan bida berkaitan perolehan kerajaan. Nilai yang terlibat adalah lebih dari RM2 billion. Perolehan-perolehan kerajaan yang menjadi fokus penyiasatan MyCC sekarang adalah sektor perkhidmatan, makanan, pembinaan dan pembekalan.

Selain itu, MyCC telah menjadikan sektor makanan dan pertanian sebagai fokus utama penguatkuasaan Akta 712. MyCC akan bertindak tegas, *without fear or favour*, terhadap mana-mana perusahaan dalam sektor di atas terutama bahan makanan jika mereka terlibat dalam kartel. Penalti kewangan yang boleh dikenakan adalah sehingga 10% dari pusing ganti dunia (*worldwide turnover*) perusahaan tersebut dan mereka boleh disenaraihitamkan jika kartel mereka berkait dengan perolehan kerajaan.

Usaha kerajaan tidak terhenti di situ dalam menggerakkan MyCC untuk membantu kerajaan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Dalam tahun ini, kerajaan akan memperkasakan MyCC melalui 2 cara iaitu:

NO SOALAN : 24

- (a) Membuat pindaan terhadap Akta 712 dan Akta Suruhanjaya Persaingan (Akta 713) dengan mengukuhkan lagi-
 - (i) Kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan dengan tujuan untuk mencapai penyelesaian penyiasatan dan pengeluaran keputusan dengan lebih efektif dan efisien; dan
 - (ii) Memperkenalkan rejim kawalan penggabungan (*merger control regime*) yang akan memberi kuasa kepada MyCC mengenakan tindakan intervensi awal (*ex-ante*) terhadap pembentukan kartel atau monopoli baru melalui pengawalan aktiviti penggabungan.
- (b) Menambahkan bajet dan sumber manusia MyCC supaya keupayaannya dapat dioptimumkan untuk menyelesaikan kes-kes dan menjalankan fungsi-fungsinya yang lain pada tahap tertinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk menggunakan Malaysian Indian Blueprint bagi masyarakat India yang telah dibangunkan pada tahun 2018 iaitu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 untuk program pembangunan sosioekonomi kaum India atau adakah Kerajaan akan membangunkan blueprint yang baharu untuk tujuan ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Yang Di-Pertua,

1. Bagi persoalan yang dibangkitkan berhubung ***Malaysian Indian Blueprint*** (MIB) oleh **YB Klang**.
2. Kerajaan akan melaksanakan pembangunan sosioekonomi untuk masyarakat India berdasarkan falsafah pembangunan yang holistik, berpandukan keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan keadilan dan kebajikan sepertimana yang telah digariskan dalam dasar **Malaysia MADANI**.
3. Usaha pembangunan sosioekonomi tersebut adalah selaras dengan teras Malaysia MADANI iaitu **Membina Semula Ekonomi** dan **Menjamin Kesejahteraan Semula Insan** yang akan dilaksanakan secara bersepadu berdasarkan **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12), Bab 5, Strategi B3** iaitu **meningkatkan taraf hidup isi rumah India berpendapatan rendah**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[KEPONG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika perlu Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat secara menyeluruh tragedi tanah runtuh di Batang Kali pada 16 Disember lalu yang membabitkan 31 mangsa terkorban.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, **tiada keperluan untuk mewujudkan RCI** bagi kejadian tanah runtuh di Batang Kali kerana jabatan-jabatan teknikal di bawah **Jawatankuasa Inter-Agensi Pengurusan Cerun Negara** berkemampuan untuk melaksanakan siasatan forensik secara menyeluruh bagi mengenal pasti punca kegagalan cerun tersebut dan mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terhadap siasatan salah laku perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua (LCS).

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka beberapa buah Kertas Siasatan (KS) berkaitan isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS). Siasatan kes ini masih lagi berjalan dan keterangan daripada pelbagai pihak perlu diperolehi termasuklah keterangan daripada luar negara.

2. Walau bagaimanapun, terdapat KS yang telah lengkap dimana seorang bekas Panglima Tentera Laut Malaysia (TLDM) telah dituduh dengan tiga (3) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan pada 18 Ogos 2022.

3. Selain itu, SPRM turut mengemukakan Surat Makluman Penyiasatan (SMP) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan untuk tindakan sewajarnya bagi menutup ruang dan peluang berlakunya perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke atas projek LCS. SPRM juga masih lagi dalam tindakan melaksanakan pemeriksaan untuk penambahbaikan tatakelola berkaitan dengan perolehan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN
JAN [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apa perancangan Kerajaan untuk memperbaiki capaian 4G di seluruh negara, khususnya di Parlimen Tasek Gelugor dan apakah jaminan bahawa pembinaan infrastruktur 5G tidak akan mengeneipkan 4G dan 3G yang masih digunakan oleh majoriti rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sedang mempertingkatkan capaian internet di seluruh negara termasuklah di Parlimen Tasek Gelugor, melalui pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025).

Setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan capaian internet 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara adalah 95.98% manakala peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Pulau Pinang telah meningkat kepada 99.82% berbanding 99.58% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Bagi Parlimen Tasek Gelugor pula, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk telah meningkat kepada 100% berbanding 97.85% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Di Parlimen Tasek Gelugor, setakat suku keempat 2022, sebanyak 9,415 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, daripada 11,211 premis yang dirancang. Manakala, baki sebanyak 1,796 premis lagi dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) juga telah menyiapkan secara sepenuhnya 5 menara baharu dan 125 alat pemancar komunikasi di Parlimen Tasek Gelugor.

Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan rangkaian 5G tidak membebankan syarikat-syarikat telekomunikasi mudah alih sedia ada, KKD telah mengambil pendekatan pelaksanaan 5G melalui Rangkaian Borong Tunggal (SWN) yang dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB). Menerusi pendekatan ini, syarikat telekomunikasi mudah alih boleh menumpukan usaha dan pelaburan syarikat memperkukuhkan perkhidmatan 4G. Namun, syarikat telekomunikasi mudah alih boleh mula menawarkan perkhidmatan 5G dengan mendapatkan kapasiti 5G daripada DNB, tanpa perlu membuat pelaburan rangkaian yang besar.

Sekain, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan perkembangan terkini inisiatif 5G terutama yang terkait dengan pelaksanaan model Rangkaian Pemborong Tunggal (SWN) oleh Digital Nasional Berhad (DNB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 3,906 tapak 5G telah siap dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di seluruh negara. Dengan jumlah tersebut, ketersediaan rangkaian 5G telah mencapai 47.1% populasi di dalam kawasan berpenduduk. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi belum boleh diakses pengguna (infrastruktur tersedia). Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna sahaja, ketersediaan perkhidmatan 5G berada pada 38.2% populasi di dalam kawasan berpenduduk.

Selain itu, empat syarikat pemberi perkhidmatan iaitu Telekom Malaysia, YTL Communications, CelcomDigi dan U Mobile telah menawarkan pelan perkhidmatan 5G secara komersial untuk dinikmati oleh pengguna. Akses perkhidmatan 5G boleh dinikmati melalui pelan langganan daripada syarikat pemberi perkhidmatan yang berkaitan, kebolehan peranti yang menyokong rangkaian 5G serta pengguna perlu berada di dalam kawasan liputan 5G.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI ABU NAIM [GUA MUSANG]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat-syarat permohonan Rumah Generasi Kedua FELDA, status rumah yang telah siap, jumlah yang telah diduduki dan taraf kemudahan infrastrukturnya

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) telah dilaksanakan oleh FELDA seawal tahun 2013 untuk memberi peluang Generasi Kedua memiliki rumah kediaman yang selesa di dalam kawasan tanah di rancangan.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengurusan menyediakan Garis Panduan Prosedur Pemilikan Rumah PGBF bertarikh 11 November 2015 untuk memudahkan Generasi Kedua yang berkelayakan bagi membeli rumah. Sehingga kini status rumah yang telah siap adalah 2,358 unit. Bagi 2,085 unit, pembeli-pembeli telah berjaya

memenuhi syarat di atas dan telah mendiami rumah dan baki sebanyak 273 unit rumah lagi akan diserahkan secara berperingkat pada tahun ini.

3. Tawaran Pemilikan rumah PGBF kepada Generasi kedua FELDA;

Perkara	Perincian
Harga Rumah	i. Rumah tengah RM90,000 ii. Rumah End-lot dan Corner Lot RM95,000 termasuk tambahan RM10 setiap kakipersegi.
Kaedah pembelian	i. Pembelian terus ii. Melalui institusi kewangan
Syarat individu	<ul style="list-style-type: none"> • Warga negara Malaysia • Generasi Baharu Felda • Menetap di rancangan • Berkahwin • Pendapatan tidak melebihi RM3,500 sebulan • Tiada rekod jenayah • 18 tahun ke atas • Tidak muflis
Proses pemilihan	i. Borang dikeluarkan secara percuma oleh ibu pejabat ii. Jawatankuasa penapisan dan pemilihan peringkat rancangan iii. Jawatankuasa penapisan dan pemilihan peringkat wilayah

4. Antara kemudahan infrastruktur yang disediakan dalam skop kerja PGBF adalah seperti loji rawatan kumbahan, tangki air, bangunan pencawang TNB, tangki sedutan, rumah pam dan landskap.

Sekian, terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah jangka pendek dan panjang yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup dan kenaikan harga barang ke atas golongan M40 dan B40 termasuk mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Kos sara hidup bukan hanya masalah ekonomi tetapi terdapat cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri akan menumpukan kepada strategi serampang dua mata iaitu:

- (a) menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan; dan
- (b) meningkatkan pendapatan rakyat.

Ini adalah kerana secara realitinya kos sara hidup timbul kerana kuasa beli rakyat tidak dapat menampung perbelanjaan.

Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa rakyat mengeluarkan perbelanjaan bagi keperluan utama iaitu makanan dan minuman, perumahan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan utiliti. Menyedari bahawa isu kos sara hidup ini merentasi bidang tugas banyak Kementerian dan agensi maka selaras dengan nama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kementerian ini diberikan kuasa untuk melaksanakan tanggung-jawab berkaitan kos sara hidup dengan lebih efektif dan efisien dan mendukung pendekatan keseluruhan Kerajaan (*whole of government approach*). Tanggungjawab KPDN bukan lagi hanya bersifat keurusetiaan dan penyelarasan semata-mata malah bertindak untuk mengkaji serta menganalisa kesan dan implikasi pelaksanaan polisi dan program Kerajaan terhadap kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Tiga (3) cabaran NACCOL dalam usaha untuk menangani kos sara hidup adalah pemberian subsidi secara bersasar, ketirisan subsidi dan kenaikan harga barangan yang didorong oleh faktor luaran. Pada ketika ini sedang berlangsung Makmal Kos Sara Hidup: Subsidi Bersasar yang dikendalikan oleh KPDN bersama Kementerian Kewangan dan

Kementerian Ekonomi bagi menetapkan kumpulan penerima faedah subsidi bersasar, keperluan atau barangan yang akan disubsidikan oleh Kerajaan serta mekanisme untuk melaksanakan subsidi secara bersasar. Kerajaan Perpaduan ingin memberi jaminan bahawa kumpulan yang paling terkesan dengan kos sara hidup akan menjadi penerima bantuan subsidi yang paling utama. Mekanisme pemberian subsidi yang lebih terkawal seperti penggunaan teknologi dan sistem ICT akan memastikan ketirisan subsidi dapat dibendung. Ini merupakan kaedah proaktif Kerajaan selain meneruskan usaha-usaha penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDN.

Cabaran kenaikan harga barangan yang didorong oleh faktor luaran seperti peperangan Russia – Ukraine, gangguan rantai bekalan dunia disebabkan pandemik COVID-19, kenaikan harga komoditi seperti bijirin, arang batu dan petroleum sememangnya paling sukar untuk ditangani. Justeru, seperti yang saya nyatakan di peringkat awal tadi, NACCOL akan melipat gandakan usaha untuk meningkatkan kuasa beli rakyat melalui inisiatif peningkatan pendapatan. Perkara sama juga telah dititahkan oleh Yang Di-pertuan Agong semasa Titah Diraja semalam yang menyambut baik matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Dalam konteks yang sama, NACCOL juga menekankan usaha untuk menurunkan kos pengeluaran dan kos melaksanakan perniagaan dalam negara supaya barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan lebih berdaya saing pada harga yang berpatutan dan mampu milik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Inisiatif RAHMAH di bawah perancangan jangka pendek yang diambil oleh KPDN adalah Program Payung Rahmah bagi membantu terutamanya kumpulan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal bulan ini. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah program ini :

PERTAMA : Bakul Rahmah iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan

strategik kepada kumpulan miskin tegar secara berterusan pada setiap bulan. Program ini bukan hanya akan menyediakan bantuan barangan tetapi juga peluang pekerjaan bagi mereka yang layak;

KEDUA : Jualan Rahmah iaitu inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. Untuk tujuan ini KPDN akan memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;

KETIGA : Pakej Rahmah iaitu inisiatif yang menyokong Jualan Rahmah yang mana pasaraya besar dan pasaraya menyediakan beberapa barangan keperluan asas berbentuk pakej. Barangan keperluan dalam pakej berkenaan adalah bernilai RM70 namun pakej tersebut akan dijual kepada pengguna pada harga RM50 sahaja;

KEEMPAT : Kafe Rahmah yang bertujuan untuk menyediakan makanan yang dijual pada harga yang berpatutan kepada penuntut IPTA serta memberikan hidangan makanan percuma kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan rendah; dan

KELIMA : Menu Rahmah yang sedang hangat diperkatakan sekarang iaitu inisiatif pengusaha-pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar.

Di samping itu juga, KPDN akan meneruskan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat iaitu Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barangan asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga kawalan sama dengan kawasan bandar melalui subsidi pengangkutan yang dibayar Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

KPDN juga mengorak langkah dalam inisiatif jangka masa sederhana dan panjang melalui inisiatif DAYA supaya kumpulan sasar Kementerian

dapat menjana pendapatan di dalam sektor perdagangan dan pengedaran. Melalui program baharu yang dikenali sebagai **Rezeki Suri**, akan memberi peluang kepada suri rumah untuk menambahkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan bahan keperluan asas dari rumah.

KPDN juga akan meneruskan **Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik** bagi membantu golongan M40 dan B40 menjadi usahawan dengan menceburi bidang francais. Memandangkan potensi dan pendapatan besar yang boleh disumbangkan oleh bidang francais kepada pendapatan rakyat dan negara maka KPDN turut memohon peruntukan yang lebih besar bagi program ini untuk tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN
KU ISMAIL [KUBANG PASU]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan tindakan Kementerian berhubung dengan isu capaian internet yang lemah di kampus-kampus institut pengajian tinggi awam amnya dan Universiti Utara Malaysia khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menjalankan audit kualiti liputan perkhidmatan 4G di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 27 September 2022 dan mendapati kualiti liputan mudah alih 4G di sekitar kampus UUM adalah berada pada tahap yang amat baik dengan purata kelajuan 63.5 Mbps. Sebanyak 17 struktur komunikasi yang menyediakan liputan mudah alih 4G telah didirikan di sekitar kampus UUM.

Selain itu, di bawah projek naik taraf kabel berasaskan tembaga kepada gentian optik bagi penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi, sebanyak 80 sambungan telah dirancang untuk disediakan di UUM.

UUM turut mempunyai rangkaian internet dalaman tersendiri berkelajuan tinggi melalui teknologi *Direct Over Metro-E* (DoME) dengan kapasiti 10 Gbps.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pembekal antara 408 pembekal set data yang disenarai dalam portal data terbuka Malaysia yang tidak pernah membekalkan sebarang data.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) telah mula dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri mulai tahun 2014. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan perkongsian data, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih mudah, cepat dan telus serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Portal ini boleh dicapai melalui url <https://www.data.gov.my/>.
2. MAMPU juga telah membangunkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015 iaitu Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam sebagai garis panduan kepada agensi-agensi sektor awam dalam pelaksanaan data terbuka.
3. Sehingga 7 Februari 2023, terdapat sebanyak 413 pembekal data dengan 12,235 jumlah set data dipaparkan di Portal DTSA. Semua pembekal data mengemas kini set data yang dibekalkan dari semasa ke semasa berdasarkan tempoh masa yang dijanjikan oleh pembekal set data berkenaan.
4. Pelaksanaan Portal DTSA ini dipantau melalui beberapa aktiviti seperti mesyuarat-mesyuarat pemantauan, sesi libat urus dan juga laporan berkala yang dikeluarkan kepada agensi-agensi terlibat untuk makluman dan penambahbaikan.
5. MAMPU sentiasa dan berterusan bekerjasama dengan agensi-agensi Sektor Awam dalam mengeluarkan set data yang berkualiti dan bernilai tinggi di Portal DTSA yang memenuhi permintaan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah – langkah baharu yang diambil oleh kerajaan bagi menangani permasalahan kos sara hidup yang menjadi keresahan rakyat akibat pertumbuhan kadar pendapatan isi rumah yang lebih perlahan berbanding kadar inflasi terutamanya golongan B40 dan M40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Kos sara hidup bukan hanya masalah ekonomi tetapi terdapat cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri akan menumpukan kepada strategi serampang dua mata iaitu:

- (a) menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan; dan
- (b) meningkatkan pendapatan rakyat.

Ini adalah kerana secara realitinya kos sara hidup timbul kerana kuasa beli rakyat tidak dapat menampung perbelanjaan.

Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa rakyat

mengeluarkan perbelanjaan bagi keperluan utama iaitu makanan dan minuman, perumahan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan utiliti. Menyedari bahawa isu kos sara hidup ini merentasi bidang tugas banyak Kementerian dan agensi maka selaras dengan nama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kementerian ini diberikan kuasa untuk melaksanakan tanggung-jawab berkaitan kos sara hidup dengan lebih efektif dan efisien dan mendukung pendekatan keseluruhan Kerajaan (*whole of government approach*). Tanggungjawab KPDN bukan lagi hanya bersifat keurusetiaan dan penyelarasan semata-mata malah bertindak untuk mengkaji serta menganalisa kesan dan implikasi pelaksanaan polisi dan program Kerajaan terhadap kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Tiga (3) cabaran NACCOL dalam usaha untuk menangani kos sara hidup adalah pemberian subsidi secara bersasar, ketirisan subsidi dan kenaikan harga barangan yang didorong oleh faktor luaran. Pada ketika ini sedang berlangsung Makmal Kos Sara Hidup: Subsidi Bersasar yang dikendalikan oleh KPDN bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi bagi menetapkan kumpulan penerima faedah subsidi bersasar, keperluan atau barangan yang akan disubsidikan oleh Kerajaan serta mekanisme untuk melaksanakan subsidi secara bersasar. Kerajaan Perpaduan ingin memberi jaminan bahawa kumpulan yang paling terkesan dengan kos sara hidup akan menjadi penerima bantuan subsidi yang paling utama. Mekanisme pemberian subsidi yang lebih terkawal seperti penggunaan teknologi dan sistem ICT akan memastikan ketirisan subsidi dapat dibendung. Ini merupakan kaedah proaktif Kerajaan selain meneruskan usaha-usaha penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDN.

Cabaran kenaikan harga barangan yang didorong oleh faktor luaran seperti peperangan Russia – Ukraine, gangguan rantai bekalan dunia disebabkan pandemik COVID-19, kenaikan harga komoditi seperti bijirin, arang batu dan petroleum sememangnya paling sukar untuk ditangani. Justeru, seperti yang saya nyatakan di peringkat awal tadi, NACCOL akan melipat gandakan usaha untuk meningkatkan kuasa beli rakyat melalui inisiatif peningkatan pendapatan. Perkara sama juga telah

dititahkan oleh Yang Di-pertuan Agong semasa Titah Diraja semalam yang menyambut baik matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Dalam konteks yang sama, NACCOL juga menekankan usaha untuk menurunkan kos pengeluaran dan kos melaksanakan perniagaan dalam negara supaya barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan lebih berdaya saing pada harga yang berpatutan dan mampu milik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Inisiatif RAHMAH di bawah perancangan jangka pendek yang diambil oleh KPDN adalah Program Payung Rahmah bagi membantu terutamanya kumpulan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal bulan ini. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah program ini :

PERTAMA : Bakul Rahmah iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan miskin tegar secara berterusan pada setiap bulan. Program ini bukan hanya akan menyediakan bantuan barangan tetapi juga peluang pekerjaan bagi mereka yang layak;

KEDUA : Jualan Rahmah iaitu inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. Untuk tujuan ini KPDN akan memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;

KETIGA : Pakej Rahmah iaitu inisiatif yang menyokong Jualan Rahmah yang mana pasaraya besar dan pasaraya menyediakan beberapa barangan keperluan asas berbentuk pakej. Barangan keperluan dalam pakej berkenaan adalah bernilai RM70 namun pakej tersebut akan dijual kepada pengguna pada harga RM50 sahaja;

KEEMPAT : Kafe Rahmah yang bertujuan untuk menyediakan makanan yang dijual pada harga yang berpatutan kepada penuntut IPTA serta memberikan hidangan makanan percuma kepada penuntut Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan rendah; dan

KELIMA : Menu Rahmah yang sedang hangat diperkatakan sekarang iaitu inisiatif pengusaha-pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar.

Di samping itu juga, KPDN akan meneruskan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat iaitu Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barangan asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga kawalan sama dengan kawasan bandar melalui subsidi pengangkutan yang dibayar Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

KPDN juga mengorak langkah dalam inisiatif jangka masa sederhana dan panjang melalui inisiatif DAYA supaya kumpulan sasar Kementerian dapat menjana pendapatan di dalam sektor perdagangan dan pengedaran. Melalui program baharu yang dikenali sebagai **Rezeki Suri**, akan memberi peluang kepada suri rumah untuk menambahkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan bahan keperluan asas dari rumah. KPDN juga akan meneruskan **Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik** bagi membantu golongan M40 dan B40 menjadi usahawan dengan menceburi bidang francais. Memandangkan potensi dan pendapatan besar yang boleh disumbangkan oleh bidang francais kepada pendapatan rakyat dan negara maka KPDN turut memohon peruntukan yang lebih besar bagi program ini untuk tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **PERDANA MENTERI** minta Perdana Menteri menyatakan hala tuju pentadbiran Kerajaan Perpaduan:

- (a) Apakah visi dan misi dalam 100 hari Perdana Menteri memegang tampuk kepimpinan negara; dan
- (b) Apakah langkah pemulihan ekonomi pasca PRU-15.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program pemukiman anggota Jemaah Menteri yang berlangsung pada 15 Januari 2023 telah bersepakat mewujudkan kerangka Malaysia Madani yang dibina berdasarkan kepada analisis tematik manifesto setiap

parti gabungan Kerajaan Perpaduan. Kerangka Malaysia Madani dijangka akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sedikit masa lagi.

2. Sebagai langkah awal untuk merealisasikan Agenda Reformasi Nasional yang mempunyai visi ke arah Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera dengan matlamat Sebuah negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip kelestarian, ihsan, hormat menghormati, berinovasi, kesejahteraan dan kepercayaan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

3. Tumpuan khusus diberikan kepada empat (4) teras strategik Malaysia Madani adalah Reformasi Ekonomi dan Infrastruktur Rakyat, Reformasi Sosial dan Keselamatan, Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan dan Reformasi Perkhidmatan Awam. Teras strategik tersebut akan diujarkannya dalam bajet tahun 2023, Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Pelan Antirasuah dan Tatakelola Terbaik Negara dan *Sustainable Development Goals* (SDG).

4. Reformasi Ekonomi dan Infrastruktur Rakyat akan menumpukan perkara-perkara seperti Pemulihan dan Pertumbuhan Pantas Ekonomi, Dasar Fiskal dan Monetari, Pelaburan Strategik dan Perdagangan, Sistem Kewangan Responsif dan Daya Tahan Risiko Ekonomi.

5. Reformasi Ekonomi juga mengambil kira beberapa perkara seperti merencanakan peluang pekerjaan bagi rakyat, membangunkan sektor manusiawi seperti TVET, menggalakkan industri kreatif serta merencanakan industri dan memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan usahawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi jangka panjang yang sedang dirangka bagi meningkatkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di Segamat sejajar dengan kelulusan pindaan Akta Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur 2022 yang memasukkan daerah Segamat sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan kelulusan pindaan Akta Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur 2022 yang memasukkan daerah Segamat sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), beberapa strategi jangka panjang telah dirangka bagi meningkatkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di Segamat.

Daerah Segamat telah dikenal pasti sebagai salah satu Kawasan Pembangunan Utama dalam Pelan Induk ECER 2.0 dan perancangan terperinci pembangunan daerah Segamat akan dilaksanakan dalam Kajian Pelan Induk ECER 3.0. Pembangunan di daerah Segamat akan memberi tumpuan kepada sektor pertanian yang berskala besar, menggunakan teknologi terkini, dan merencanakan aktiviti yang dapat memanfaatkan sumber tempatan serta mempergiat sektor pelancongan.

Tumpuan pelan perancangan pembangunan industri asas tani ECERDC di Segamat iaitu *agrofood@ecer* adalah bagi menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Johor dalam menjadikan daerah Segamat sebagai *Agricultural Powerhouse*. Ini adalah selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (RSN 2030) dan aspirasi Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bersama agensi-agensi berkaitan seperti *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan *Invest Johor* serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor seperti Pejabat Daerah Segamat sedang berusaha untuk menarik pelaburan ke daerah Segamat. Aktiviti promosi pelaburan ke luar negara oleh MIDA dan ECERDC akan turut memperkenalkan daerah Segamat sebagai destinasi pelaburan yang berpotensi dan layak ditawarkan Pakej Insentif ECER.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah siasatan terhadap projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) akan diteruskan dan apakah respon terhadap isu penyelewengan seperti yang didakwa oleh YB Pandan sebelum ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka beberapa buah Kertas Siasatan (KS) berkaitan isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS). Siasatan kes ini masih lagi berjalan dan keterangan daripada pelbagai pihak perlu diperolehi termasuklah keterangan daripada luar negara.

2. Walau bagaimanapun, terdapat KS yang telah lengkap dimana seorang bekas Panglima Tentera Laut Malaysia (TLDM) telah dituduh dengan tiga (3) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan pada 18 Ogos 2022.

3. Selain itu, SPRM turut mengemukakan Surat Makluman Penyiasatan (SMP) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan untuk tindakan sewajarnya bagi menutup ruang dan peluang berlakunya perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke atas projek LCS. SPRM juga masih lagi dalam tindakan melaksanakan pemeriksaan untuk penambahbaikan tatakelola berkaitan dengan perolehan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan hak FELDA terpelihara apabila nilai pelaburan RM2.3 bilion dalam Syarikat Eagle High Plantation (EHP) telah merudum ke sekitar RM220 juta, penurunan lebih 90%. Apakah status pelaksanaan put option oleh FELDA terhadap pegangan dalam EHP.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. FIC Properties Sdn Bhd ("FICP") adalah syarikat milikan penuh FELDA yang mempunyai 37% pegangan saham dalam PT Eagle High Plantations Tbk ("EHP").
2. Antara terma-terma perjanjian jual beli saham EHP adalah FICP boleh melaksanakan Put Option dalam dua situasi:
 - a) RCI perlu memperolehi pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* ("RSPO") dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh penyempurnaan perjanjian jual beli saham tersebut dengan lanjutan

masa automatik selama enam bulan dan enam bulan lagi atas budi bicara dan persetujuan FICP. Sekiranya tidak, ia akan mencetus *Trigger Events* dan FICP boleh melaksanakan *Put Option* di mana RCI dan/atau RC dikehendaki membeli semula saham tersebut ; dan

b) Di atas budibicara mutlak (*sole and absolute discretion*) FICP atas apa-apa alasan, FICP boleh melaksanakan *Put Option* pada tarikh akhir tempoh *option*. (Tarikh akhir tempoh *option* ialah pada 11 Mei 2022 iaitu tarikh ulang tahun ke-5 tarikh penyempurnaan Perjanjian Jual Beli).

3. Pada 11 Januari 2019, FICP telah melaksanakan *Put Option* atas asas *Trigger Event* dengan mengeluarkan Notis *Put Option* bertarikh 11 Januari 2019 (*Put Option 2019*) kepada RCI dan RC kerana RCI gagal memperolehi pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* ("RSPO") dalam masa yang diperuntukkan dalam perjanjian jual beli saham.

4. Bagaimanapun, RCI dan RC telah membantah *Notis Put Option 2019* tersebut. RCI dan RC telah memulakan prosiding timbang tara di *Singapore International Arbitration Centre* (SIAC) pada 30 Januari 2019. Namun keputusan berpihak kepada RCI.

5. Seterusnya, FICP pada 11 Mei 2022 telah melaksanakan *Put Option* (*Put Option 2022*) atas dasar *sole and absolute discretion* seperti di Perenggan 2(b) di atas. RCI dan/atau RC sepatutnya memindahkan *Option Price* sebanyak USD678.09 juta ke akaun FICP selewat-lewatnya pada 25 Mei 2022. Bagaimanapun, RCI tidak bersetuju dengan *Put Option 2022*.

6. Terkini, FICP telah memfailkan Notis Timbang tara pada 17 Januari 2023 ke *Singapore International Arbitration Centre* (SIAC) bagi merujuk tuntutan FICP terhadap RCI dan RC melalui *Put Option* 11 Mei 2022 bagi RCI / RC membeli semula Saham *Put Option* di dalam EHP dan memindahkan *Option Price* kepada FICP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sama ada dan bagaimana FINAS akan dirombak untuk meningkatkan pembangunan industri perfileman Malaysia dan memupuk bakat baharu dalam industri perfileman tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan agensi-agensi dibawahnya bagi memastikan ianya berfungsi secara efisien dan memenuhi tujuan penubuhannya. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi menambah baik prestasi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) antara lainnya ialah semakan semula Dasar Perfileman Negara yang digubal pada tahun 2005 dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

Selaras dengan itu, mulai tahun 2021 FINAS telah mengadakan beberapa siri libat urus bersama dengan pemain industri, persatuan perfileman, penggiat industri media sosial dan stesen penyiar TV awam dan swasta bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas bagi penambahbaikan Dasar dan Akta supaya seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

SOALAN NO: 39

Pada masa yang sama, FINAS meneruskan usaha-usaha bagi membangun dan memperkasakan ekosistem industri perfileman tempatan. Sebagai contoh, FINAS telah memperkenalkan *Malaysian Development Lab For Fiction Feature Films (MyLAB)* pada tahun 2022 yang merupakan satu program inkubator pembangunan dan penulisan skrip bersama pakar antarabangsa yang melibatkan 6 projek filem tempatan. Program ini telah diadakan di Busan Korea dengan sokongan kerjasama Festival Filem Antarabangsa Busan (BIFF)/Pasaran Kandungan & Filem Asia (ACFM), Suruhanjaya Filem Singapura (SFC), Majlis Pembangunan Filem Filipina (FDCP) dan Agensi Kandungan Kreatif Taiwan (TAICCA).

Selain itu, FINAS juga telah berkolaborasi dengan beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam penganjuran Festival Filem Pelajar Malaysia (FFPM) yang bertujuan untuk mencungkil dan menghargai bakat dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi dalam bidang industri kandungan kreatif.

FINAS juga turut bekerjasama dengan Persatuan Institut Kesenian dan Kajian Media Malaysia (SEMESTA) dan persatuan-persatuan perfileman dalam penganjuran forum *Young Filmmakers & Digital Content* sebagai platform sinergi industri karyawan muda dengan komponen ilmu, perkongsian kepakaran dan eksplorasi seni dihadiri penggiat dan karyawan filem serta pelajar perfileman. Program *6th Young Filmmakers and Digital Content Forum* diadakan pada 24 November 2021 di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS dengan penyertaan seramai 50 peserta. FINAS komited meneruskan kerjasama dengan SEMESTA bagi pembangunan tenaga modal insan industri perfileman tempatan supaya program perkongsian ilmu yang dibuat dapat dimanfaatkan oleh penggiat muda industri perfileman di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian jumlah kos projek naik taraf infrastruktur ICT National Cyber Coordination dan Command Centre (NC4) untuk Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara dan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan rundingan terus bagi projek tersebut.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, MKN, JPM masih lagi di dalam proses penelitian aspek-aspek teknikal dan pematuhan prosedur lain berkait perolehan/tender sebelum kerja-kerja naik taraf NC4 boleh dimulakan. Ini termasuklah perincian kos bagi Projek Naik Taraf Infrastruktur ICT National Cyber Coordination and Command Centre (NC4).
2. Perolehan bagi projek ini adalah secara tender terbuka berdasarkan tatacara perolehan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sehingga kini harga barang-barang masih tidak menentu malahan semakin naik sedangkan janji utama kepimpinan Kerajaan sekarang adalah untuk menurunkan harga barang-barang termasuk harga petrol. Apakah langkah dan usaha yang diambil Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi isu kenaikan harga barangan yang tidak menentu, beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-

- i) mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi menetapkan harga maksimum untuk barangan tertentu pada tempoh tertentu;
- ii) melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua item penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini; dan
- iii) khusus bagi memantau dan menangani isu harga makanan bermasak, bermula 23 Januari 2023, Kementerian telah melaksanakan Ops Menu 3.0 yang bertujuan memastikan peniaga restoran dan kedai makan menggunakan penandaan harga yang jelas dan tidak mengelirukan pengguna di premis-premis yang terlibat.

Kementerian boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 sekiranya ada pihak yang mengambil kesempatan untuk mengambil untung berlebihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan selain BERNAS yang memberikan peruntukan RM60 juta bagi membantu pesawah padi, adakah Kerajaan akan meminta bantuan syarikat-syarikat besar yang memonopoli barang keperluan asas seperti gula, telur, tepung serta barang keperluan asas yang lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengalu-alukan bantuan daripada syarikat pemain utama industri sama ada bantuan dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan bagi membantu meningkatkan lagi pertumbuhan sektor ekonomi tersebut. Bantuan yang disediakan oleh pemain utama industri tersebut sejajar dengan hasrat gagasan Malaysia Madani yang dipelopori oleh pentadbiran masa kini. Bantuan ini juga dilaksanakan selari dengan pendekatan Kerajaan dalam mewujudkan hubungan harmoni antara pihak Kerajaan dan pihak komuniti perniagaan. Hubungan harmoni ini adalah sebahagian daripada kunci kejayaan negara dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : **23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk mengekalkan skim berpencen tetap bagi siri-siri pengambilan penjawat awam pada masa akan datang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, skim pencen sedia ada masih diteruskan. Memandangkan tanggungan pencen makin meningkat setiap tahun, Kerajaan sedang memperhalusi sistem persaraan baharu untuk pelantikan baharu dalam perkhidmatan awam bagi memastikan beban kewangan Kerajaan lebih mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menggalakkan pusat pengajian tinggi awam/swasta memperhebatkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai satu penambahbaikan kepada kualiti pekerja dalam industri di samping dapat meningkatkan kualiti dalam sistem penyampaian oleh jabatan Kerajaan dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui semua institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti sentiasa menawarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kelayakan akademik kepada segenap lapisan masyarakat merangkumi golongan belia, warga emas, golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan ibu tunggal.
2. Antara program PSH yang ditawarkan adalah Kursus Secara Sambilan (KSS), sijil profesional, program pengiktirafan badan profesional serta lain-lain kursus peningkatan kemahiran (*reskilling & upskilling*) yang dilaksanakan berdasarkan permintaan dan keperluan industri atau lain-lain pihak yang berminat. Melalui program PSH, secara tidak langsung peserta dapat menambah kualiti kemahiran dan pengetahuan yang memberi manfaat kepada kehidupan dan kerjaya mereka.
3. Kementerian amat menggalakkan pelaksanaan program PSH di semua IPT sedia ada bagi membuka peluang pendidikan yang lebih fleksibel kepada semua peringkat masyarakat.
4. Semua penyedia PSH digalakkan untuk mendapatkan maklum balas dan berkolaborasi antara satu sama lain dalam merangka program PSH mengikut keperluan pelanggan luaran dan dalaman kumpulan sasaran yang berkaitan.
5. Program-program ini dilaksanakan berdasarkan bidang-bidang keperluan industri dan dijadikan sebagai platform dalam meningkatkan kolaborasi bersinergi di antara IPT dengan pihak industri atau majikan. Pada masa ini, sebanyak 22 bidang kemahiran kursus jangka pendek PSH yang ditawarkan kolej komuniti dan 15 bidang kursus ditawarkan politeknik seluruh negara.

6. Pada 7 Februari 2023 yang lalu, pihak Kementerian telah mengadakan perjumpaan dengan wakil industri iaitu *Federation of Malaysia Manufacturers* (FMM). Mereka telah memberikan maklum balas mengenai keperluan menerapkan elemen kesedaran *Environmental, Social and Governance* (ESG) dalam kurikulum di semua peringkat institusi pengajian tinggi.

7. Kriteria ESG kini menjadi kriteria yang digunakan dalam industri bagi meletakkan negara setanding dengan standard yang ditetapkan di peringkat antarabangsa. Pihak Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengarahkan semua IPT untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan keperluan pihak industri dapat dipenuhi.

8. Semua IPT, termasuk politeknik dan kolej komuniti turut digalakkan berkolaborasi dengan agensi awam lain seperti KEMAS, JAKOA, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), wakil industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan program peningkatan kemahiran (*upskilling & reskilling*) sentiasa dapat ditawarkan kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat.

9. Pada masa ini, sebanyak 22 bidang kemahiran kursus jangka pendek di bawah PSH yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti seluruh negara.

10. Selain itu, kolej komuniti juga menawarkan 14 program PSH yang berstruktur iaitu PSH Bermodul yang dibangunkan daripada program sepenuh masa Sijil Kolej Komuniti. Sehingga Disember 2022, pencapaian PSH kolej komuniti adalah sebanyak 245,909 penyertaan dan melibatkan 12,419 program manakala pencapaian PSH politeknik adalah sebanyak 44,132 penyertaan dan melibatkan 1,233 program.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT
BINTANG]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Persekutuan telah memenuhi terma-terma Perjanjian Malaysia 1963 setakat ini.

JAWAPAN

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu-isu berkaitan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan antara agenda yang diberikan penekanan utama Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri Kesepuluh (PM10) bagi menangani beberapa isu berbangkit untuk diselesaikan dengan segera. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Januari 2023 antara lain telah membuat ketetapan seperti berikut:

- (i) supaya kementerian/agensi Persekutuan yang berkaitan menyusun dan meneruskan pelaksanaan keputusan-keputusan dasar yang telah dicapai di bawah pentadbiran Kerajaan terdahulu;
- (ii) supaya kementerian/agensi Persekutuan yang berkaitan meneruskan perbincangan bagi isu-isu belum selesai dibincangkan dan membentangkan dengan segera cadangan penyelesaian terhadap isu tersebut untuk pertimbangan Jemaah Menteri; dan
- (iii) supaya diteruskan platform perundingan sedia ada antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menyusun isu-isu yang masih dalam proses rundingan dengan cadangan ubah suai dan mekanisme penambahbaikan.

2. Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) atau dahulunya dikenali sebagai Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) yang merupakan platform perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah diperkemaskan bagi memastikan isu-isu yang masih dalam proses rundingan dapat diselesaikan dengan segera. Di bawah

NO. SOALAN: 45

MTPMA63, sebanyak dua jawatankuasa telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Teknikal yang akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi serta Jawatankuasa Penyelarasan yang akan dipengerusikan secara bersama oleh saya dan YB Menteri berkaitan sekiranya isu tersebut memerlukan intervensi untuk diselesaikan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 9 perkara/tuntutan asal telah berjaya diselesaikan iaitu 6 perkara di bawah pentadbiran Kerajaan terdahulu (2020-2022) melalui MKMA63 dan baki 3 perkara lagi berjaya diselesaikan di bawah pentadbiran sekarang melalui MTPMA63. Perincian kepada perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

(i) **Perkara Selesai di bawah MKMA63**

- (a) Penyerahan Kuasa Kawal Selia *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) Kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
- (b) Penyerahan Kuasa Ke Atas Pentadbiran Pulau Sipadan Dan Pulau Ligitan Kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- (c) Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) Dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- (d) Pemberian Kuasa (*Empowerment*) Mengenai Pelesenan Dan Penangkapan Ikan Laut Dalam Kepada Kerajaan Negeri Sabah & Kerajaan Negeri Sarawak;
- (e) Semakan Semula Pemberian Khas (Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan) (Negeri Sabah) (Penyelesaian Secara Interim); dan
- (f) Cadangan Pelantikan Wakil Kerajaan Negeri Sabah Sebagai Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

(ii) Perkara Selesai di bawah MTPMA63

- (a) Penyerahan Kuasa Kawal Selia Bekalan Gas Kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- (b) Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah Dan JKR Sarawak Sebagai Jabatan Teknik. Pengiktirafan turut dipanjangkan kepada Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Sabah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak untuk mengendalikan urusan penyediaan reka bentuk, penyediaan *bill of quantities*, proses perolehan dan pentadbiran kontrak bagi projek Persekutuan bernilai tidak melebihi RM50 juta yang dilaksanakan di Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (c) Pelantikan Wakil Kerajaan Negeri Sarawak Sebagai Anggota LHDN.

4. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk mencari penyelesaian bagi perkara/tuntutan lain yang masih belum selesai. Perkara-perkara tersebut akan terus dipantau oleh Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan dibawah MTPMA63.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan untuk meneruskan lagi usaha Kerajaan sebelum ini dalam menghapuskan hutang FELDA.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pentadbiran terdahulu pada Julai 2021 telah meluluskan penghapusan hutang Peneroka FELDA keseluruhannya bernilai RM8 bilion.
2. Namun begitu, Kerajaan kini tidak dapat meneruskan pelaksanaan penghapusan hutang peneroka FELDA secara berterusan kerana penghapusan hutang pada tahun 2021 telah memberi impak yang besar terhadap aliran tunai FELDA. Oleh yang demikian, kutipan balik baki hutang ataupun pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga kini perlu terus dilakukan sebagai sumber pendapatan FELDA untuk kelangsungan organisasi dan kebajikan warga peneroka FELDA. Hal ini disebabkan kutipan hutang peneroka FELDA merupakan salah satu sumber pendapatan FELDA yang penting bersamaan dengan 10.8% jumlah pendapatan jangkaan bagi tahun 2023.
3. Walaupun Kerajaan tidak dapat meneruskan penghapusan hutang peneroka, FELDA tetap komited membantu peneroka dan telah melaksanakan inisiatif bagi memastikan hutang peneroka tidak terus meningkat, terutamanya berkaitan hutang ladang. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh FELDA adalah pengurangan tempoh pengurusan program pembangunan tanam semula ladang iaitu pemberian pinjaman sara hidup disingkatkan dari 8 tahun kepada 4 tahun. Selain itu, FELDA telah melaksanakan program tanam semula dengan menggunakan baka sawit terbaru seperti yangambi triway dan yangambi ML 161 yang mempunyai kadar pengeluaran hasil yang lebih tinggi sehingga 16 tan sehektar pada bulan ke-48. Dengan usaha tersebut, pendapatan peneroka dapat ditingkatkan dalam masa yang lebih singkat disebabkan mereka mula dibayar hasil atau pendapatan sebenar ladang bermula pada tahun ke-5.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyalurkan hasil petroleum secara terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Perikatan Nasional sebelum ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*] menetapkan setiap negeri mempunyai hak ke atas laut wilayah di pesisir yang berdampingan dengan pantai wilayahnya yang tidak melebihi 3 batu nautika dari garis air surut. Oleh yang demikian, Perjanjian Pembayaran Wang Tunai (*Cash Payment Agreement*) yang ditandatangani antara PETRONAS dan Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu memperuntukkan Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu boleh diberi pembayaran tunai sebanyak 5% untuk petroleum yang didapati dan diperolehi (*won and saved*) di Kelantan dan Terengganu dalam jarak 3 batu nautika dari garis air surut.

2. Namun, Petronas tidak pernah menyalurkan hasil petroleum secara langsung kepada negeri Kelantan dan Terengganu selama ini kerana kedudukan medan pengeluaran adalah terletak di luar 3 batu nautika dari garis air surut wilayah negeri Kelantan dan Terengganu.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah menyalurkan Wang Ehsan kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran termasuk negeri Kelantan dan Terengganu bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status kem tentera yang dibina di Hutan Melintang yang pernah menjadi pusat mengundi pada tahun 2018 walaupun pengundinya dari kalangan tentera belum pun ditempatkan di situ.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pembinaan Kem 503 Askar Wataniah di Hutan Melintang, Perak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), *Rolling Plan* Ke-3 Tahun 2019 dengan menggunakan peruntukan Belanja Pembangunan. Kelulusan pembinaan kem tersebut adalah bagi menggantikan kelulusan asal projek Pembinaan Batalion Infantri Standard dan Rejimen Artileri Diraja Bantuan Rapat yang dirancang pembiayaannya secara *land-swap*, namun telah dibatalkan.
2. Sehingga Januari 2023, status kemajuan terkini projek ini adalah 48.8% dan projek dijadualkan siap sepenuhnya pada November 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta MENTERI
KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan:**

- (a) apakah tindakan Kementerian selain menerusi LPF dalam memastikan kandungan digital luar negara tidak memberi kesan negatif pembentukan sahsiah diri dan budaya; dan
- (b) apakah strategi menyokong penerbit karya seni tempatan menghasilkan produk berkualiti menepati cita rasa penonton dan menerapkan nilai murni.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan ingin memaklumkan bahawa penapisan kandungan digital dalam dan luar negara adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Bagi perkhidmatan kandungan berbayar melalui platform dengan izin, *Over-the-Top* (OTT) seperti Netflix, Spotify, Disney+ dan lain-lain, ianya tidak tertakluk kepada peruntukan perundangan pelesenan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) dan pemakaian Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia kerana melibatkan syarikat-syarikat yang berpangkalan di luar negara. Perkhidmatan OTT ini tidak seperti perkhidmatan penyiaran awam dan swasta di dalam negara yang tertakluk pada rangka kerja pelesenan dan tapisan di bawah perundangan sedia ada termasuk AKM 1998. Kandungan digital di platform TV adalah kawalan sendiri oleh pihak TV sebagai contoh, RTM sentiasa memastikan kandungan-kandungan luar negara selaras dengan budaya dan sahsiah tempatan.

Buat masa ini, tumpuan terarah kepada usaha melaksana program advokasi bagi memastikan wujud kematangan dalam pemilihan rancangan atau program yang ingin ditonton dalam platform OTT. Tindakan kawal sendiri perlu dipraktikkan oleh masyarakat semasa menggunakan perkhidmatan OTT. Sebagai contoh, perkhidmatan OTT, terutama Netflix telah pun menyediakan klasifikasi umur (13+, 16+, 18+) dan sinopsis maklumat (*audience advisory*) berkenaan kandungan yang disediakan seperti bahasa, aksi ganas, seks/ berahi, agama, dadah, dan sebagainya supaya penonton boleh membuat keputusan sebelum memilih dan menonton kandungan tersebut.

Justeru, para ibu bapa atau penjaga adalah digalakkan untuk melaksanakan kawalan dan pemantauan (*parental controls*) dengan meletakkan pin akses bagi setiap profil penonton isi rumah untuk memastikan anak-anak di bawah umur tidak dapat mengakses ke semua kandungan yang tidak sesuai dan memberi kesan negatif pembentukan sahsiah diri dan budaya.

Walaupun begitu, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang giat mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi mendapatkan input serta maklum balas untuk membangunkan rangka kerja jangka panjang yang lebih menyeluruh dan berkesan. Ini termasuklah meneliti cadangan penambahbaikan atau reformasi undang-undang dan kawal selia (*legislative and regulatory reform*), membuat pertimbangan dan analisis kebolehlaksanaan dan kekangan teknikal, serta analisis impak kepada sosio-ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menyokong penerbit karya seni tempatan menghasilkan produk berkualiti, menepati cita rasa penonton dan menerapkan nilai murni, KKD melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah menggariskan 2 strategi utama iaitu:

- (1) Pembangunan idea dan skrip melalui dua program:

Geran Pembangunan Modal Insan Industri Kreatif

- (i) Para peserta akan membangunkan kemahiran dalam penghasilan idea melalui bengkel berfokus dan forum industri filem seperti Bengkel Penulisan Skrip, Bengkel Pengarahan Filem, Bengkel Sinematografi Filem, *Young Filmmakers and Digital Content Forum*, *Connect Asia Forum* dan lain-lain; dan
- (ii) Bengkel-bengkel ini turut membantu penerbit karya seni tingkatkan kepakaran untuk menghasilkan filem berkualiti serta menepati citarasa penonton.
- (iii) Pada tahun 2023, FINAS mensasarkan 50 bengkel berfokus dan forum industri filem di bawah program Geran Pembangunan Modal Insan Industri Kreatif dilaksanakan.

Makmal Inkubator Bakat Kreatif Filem (MyLAB)

- (i) Program dilaksanakan secara kerjasama dengan Festival Filem Antarabangsa Busan (BIFF)/Pasaran Kandungan &

SOALAN NO: 49

Filem Asia (ACFM), Suruhanjaya Filem Singapura (SFC), Majlis Pembangunan Filem Filipina (FDCCP) dan Agensi Kandungan Kreatif Taiwan (TAICCA) bagi memilih projek filem daripada negara ASEAN untuk dianugerahkan projek filem terbaik daripada FINAS.

- (ii) Sebanyak 6 projek filem daripada Malaysia telah dipilih oleh panel juri yang terdiri daripada Mr. Christian Jeune (Cannes Film Festival Director of the Film department), Mr. Nashen Moodley (Sydney Film Festival Director) dan Mr. Oh Jung-wan (Korean Film Producer).

(2) Memupuk bakat baru:

- (i) Program Komuniti bersama FINAS atau singkatannya Komuniti@FINAS merupakan inisiatif FINAS untuk membentuk jalinan kerjasama dengan komuniti masyarakat setempat untuk membangunkan modal insan dalam bidang berkaitan industri kreatif tanah air, mengenal pasti dan memupuk minat, bakat serta kemahiran dalam kalangan peserta bidang perfileman.
- (ii) Sebanyak 6 sesi program Komuniti@FINAS telah diadakan pada tahun 2022 iaitu di Kota Kinabalu, Sabah, Kota Bharu, Kelantan, Gedong, Serawak, Bahau, Negeri Sembilan, Universiti Perguruan Sultan Idris, Perak dan Libaran, Sabah. Seramai 288 peserta telah mendapat manfaat daripada program ini.

Pada tahun 2021 FINAS turut memperkenalkan slogan “Filem Kita Citra Kita” yang bertujuan untuk memangkin para penerbit filem menghasilkan filem yang berkualiti dengan mengetengahkan wajah dan jiwa filem Malaysia dengan penerapan nilai-nilai murni daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya. Di samping itu, FINAS juga menekankan keperluan nilai-nilai murni, mesej serta pengajaran yang baik diterapkan dalam jalan cerita sesebuah drama atau filem yang dihasilkan oleh syarikat penerbit yang menerima Dana Kandungan Digital (DKD) dari Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 23 FEB 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa kuota minyak masak sawit yang telah diluluskan dan diberikan sepenuhnya kepada pemegang-pemegang kuota setakat ini dan apakah terma utama yang mesti dipenuhi oleh pemegang-pemegang kuota ini..

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga Februari 2023, kuota sebanyak 60 ribu tan metrik minyak masak telah diluluskan dan diagihkan kepada 368 syarikat pembungkusan minyak masak bersubsidi atau pemegang kuota untuk mengeluarkan dan mengedarkan minyak masak ke seluruh Malaysia.

Sebagai pemegang kuota, setiap syarikat pembungkusan hendaklah melaksanakan terma utama berikut :

- a) Membungkus minyak masak bersubsidi dengan sempurna dan efisien serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti pelabelan logo barang subsidi pada pek pembungkusan, sukatan berat bungkusan yang tepat dan menggunakan mesin atau perkakasan pembungkusan berteknologi tinggi untuk mengurangkan kos pembungkusan.

- b) Memastikan minyak masak bersubsidi dibungkus dan diedarkan kepada pemborong dan peruncit yang memiliki lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang sah tempoh laku dengan kadar segera. Syarikat pembungkus hendaklah mengutamakan pengedaran minyak masak bersubsidi di dalam negeri yang telah ditetapkan bagi memastikan bekalan minyak masak bersubsidi di negeri yang telah ditetapkan sentiasa mencukupi berdasarkan kuota yang telah ditetapkan.
- c) Mulai tahun 2022, pemegang kuota juga telah diwajibkan mengunci masuk maklumat jualan dan pengedaran ke dalam sistem eCOSS. Melalui sistem ini, transaksi jualan oleh setiap pemegang kuota dapat dipantau oleh KPDN secara *real-time* dan memudahkan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang lebih strategik dan berkesan.
- d) Sekiranya wujud keperluan untuk pengedaran di kawasan-kawasan akibat terkesan dengan bencana alam seperti bencana banjir, pemegang kuota hendaklah memberikan kerjasama dan bertindak segera sebagaimana diarahkan oleh KPDN.
- e) Memaklumkan kementerian sekiranya terdapat masalah dalam menyediakan bekalan minyak masak bersubsidi akibat daripada kerosakan mesin pembungkusan agar kuota tersebut dapat dipindahkan kepada pihak lain bagi memastikan bekalan minyak masak bersubsidi tidak terputus di kawasan pengedaran.
- f) Memastikan tuntutan bayaran balik subsidi Kerajaan adalah pada kadar pengedaran sebenar dan tiada manipulasi dalam tuntutan bayaran balik subsidi minyak masak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana barang kes dalam bentuk wang tunai sejumlah USD12.1 juta (RM50.4 juta) dalam simpanan SPRM boleh dicuri oleh pegawai SPRM sendiri mengakibatkan bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia dibebaskan sepenuhnya daripada kes pecah amanah RM50 juta milik Kerajaan pada bulan Ogos tahun ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai SPRM tersebut telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang tersebut di mana pegawai itu telah pun didakwa pada 04.01.2022 dan disabitkan kesalahan pada 18.02.2022 dengan hukuman tiga (3) tahun penjara dan dua (2) sebatan.

2. Wang rampasan USD6.94 juta (RM28 juta) dan semua harta yang dibeli menggunakan wang rampasan telah dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.